

25/03/2003

Dewan Rakyat lulus resolusi kutuk serangan Amerika

reports on "Dewan Rakyat" by Magendran Rajagopal; Rohaniza Idris  
KUALA LUMPUR: Dewan Rakyat semalam meluluskan tujuh resolusi, termasuk usul mengutuk serangan Amerika Syarikat (AS) terhadap Iraq serta menggesa kuasa besar itu dan sekutunya Britain menghentikan serta-merta peperangan di Iraq.

Usul itu yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendapat sokongan sebulat suara penyokong kerajaan dan pembangkang.

Terdahulu, Dewan Rakyat menengguhkan persidangan di bawah Peraturan Mesyuarat 27(3) bagi membahaskan usul berkenaan yang disiarkan secara langsung menerusi RTM.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menyokong usul itu diikuti perbahasan 13 Ahli Parlimen yang dimulakan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong).

Suasana Dewan bergemuruh dengan tepukan meja dari semasa ke semasa apabila cadangan tertentu dibuat dan sekali sekala sepi terutama ketika perbahasan menyentuh kekejaman AS terhadap mangsa perang di Iraq.

Dr Tan dalam perbahasannya berkata, masalah di Iraq yang membabitkan presidennya sepatutnya diselesaikan sendiri rakyat negara itu.

"Pada dasarnya, kita semua tidak mahu perang menjadi jalan keluar mengatasi masalah kerana amalan ini tidak wajar menjadi kebiasaan, khususnya kepada AS setiap kali wujud pertelagahan.

"Kita harus menyedarkan AS bahawa dunia tidak akan berdiam diri dan membiarkannya bermaharajalela terhadap rakyat Iraq," katanya.

Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) pula menyuramkan suasana apabila bercakap mengenai kanak-kanak, warga tua serta wanita yang menjadi mangsa bedilan AS serta sekutunya sejak 19 Mac lalu.

"Gambar mangsa perang berlumuran darah yang dipaparkan media tempatan dan antarabangsa sudah cukup membuktikan perang tidak membawa sebarang manfaat dan jalan damai sewajarnya menjadi pilihan.

"Peranan PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) kini seolah-olah tidak dipedulikan AS serta sekutunya dan gejala ini adalah satu hakikat berbahaya yang perlu dihadapi negara lain.

"Dunia, terutama PBB harus bertindak kerana kita tidak boleh terus hidup dalam ketakutan terhadap bayang AS dan sekutunya," katanya.

Nasharuddin Mat Isa (Pas-Yan) yang juga Setiausaha Agung parti itu, berkata kesan peperangan amat teruk dan menyayat hati.

"AS menyerang Iraq semata-mata untuk membuktikan kepada dunia bahawa mereka mempunyai senjata canggih.

"Dunia harus sepakat jika mahu membendung keangkuhan AS. Kuasa besar seperti Perancis, Jerman dan China wajar mengimbangi kuasa AS dan sekutunya supaya negara kecil tidak teraniaya.

"Pada masa yang sama, pertubuhan dunia seperti PBB, NAM dan OIC perlu memainkan peranan lebih praktikal dan proaktif bagi mencari rumusan menghentikan perang," katanya.

Datuk Mohd Zin Mohamed (BN-Shah Alam), yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan, pula berkata:

"Sewajarnya, Bush (George W Bush) dan Blair (Tony Blair) dihadapkan ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa kerana menyerang sekumpulan manusia tidak berdosa, yakni rakyat Iraq yang tidak terbabit dalam dendam AS terhadap Saddam.

"Ini adalah satu permulaan yang tidak wajar dibiarkan berlaku kerana siapa tahu negara mana pula akan menjadi angkara AS selepas ini," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, ketika menggulung perbahasan bagi pihak kerajaan, menghargai kesepakatan semua Ahli Parlimen menyokong usul yang dibentangkan Dr Mahathir.

"Kata sepakat ini membuktikan bahawa sesiapa yang berfikiran rasional mampu menilai betapa kejamnya tindakan AS terhadap Iraq dan perlu dijadikan iktibar menyedarkan kuasa besar berkenaan.

"Negara akan terus berusaha menerusi PBB, OIC dan NAM serta bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan dunia lain bagi menghentikan perang terhadap Iraq ini," katanya.